

Gen Z jadikan hari raya bina masa depan melalui perniagaan

Dr Umi Kartini Rashid,
Ketua Jabatan Pemajuan Penyelidikan dan Pembangunan, Sekolah Perniagaan Johor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Musim perayaan sering dikaitkan dengan cuti, santai dan sambutan bersama keluarga. Namun, bagi sebahagian besar anak muda, khususnya Generasi Z (Gen Z), Aidilfitri juga menjadi ruang dan peluang untuk mereka menjana pendapatan, membina keyakinan dan memulakan langkah pertama dalam dunia perniagaan.

Fenomena ini memperlihatkan anjakan paradigma dalam kalangan belia yang tidak lagi melihat musim raya sekadar untuk berbelanja, tetapi turut dimanfaatkan sebagai litar awal menjana pendapatan secara kreatif dan berdikari.

Semangat ini wajar dirai kerana ia membuktikan nilai kerja keras dan cita-cita tidak wajar ditangguh, walaupun berada dalam suasana perayaan.

Berdasarkan Statistik Belia Malaysia 2022 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), pembabitan belia dalam ekonomi digital semakin meningkat.

Perkembangan ini selari dengan perubahan co-

rak pekerjaan dan kecenderungan generasi muda untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan konvensional.

Daripada menjual kuih raya, perkhidmatan reka bentuk grafik, pakaian tradisional sehingga kepada khidmat penghantaran, aktiviti perniagaan ini menjadi saluran utama kepada ramai anak muda menyalurkan minat, bakat dan semangat berdikari mereka.

Perniagaan jadi identiti masa kini

Dalam konteks ini, keusahawanan dalam kalangan Gen Z dilihat bukan sekadar aktiviti bermusim, tetapi semakin menjadi sebahagian daripada identiti generasi ini.

Mereka bukan sahaja celik digital, malah pantas belajar dan berani mencuba. Kehadiran media sosial, platform e-dagang dan teknologi pintar turut mempercepatkan proses ini.

Namun, laluan ini tidak bebas daripada cabaran. Ketidaktentuan pendapatan, kekangan masa serta ketiadaan perlindungan sosial menjadikan laluan ini memerlukan bimbingan dan so-

kongan berterusan.

Ketika rakan sebaya seronok bercuti dan bergembira, mereka yang berniaga perlu memenuhi tempahan, berdepan kerenah pelanggan dan memastikan kelangsungan perniagaan.

Justeru, peranan institusi pendidikan, agensi pembangunan usahawan serta masyarakat amat penting dalam menyediakan sokongan berstruktur sama ada dari aspek latihan praktikal, bimbingan, mahupun ekosistem digital yang kondusif.

Dengan sokongan sebegini, lebih ramai anak muda akan berani melangkah ke dunia perniagaan tanpa perlu menunggu masa yang sempurna.

Semangat beraya dengan berani bukan semata-mata menyentuh soal mencuba nasib atau menduga keuntungan, tetapi bagaimana mencorak hualan hidup melalui pilihan berani dan bijaksana.

Aidilfitri bukan lagi sekadar lambang kemenangan selepas sebulan berpuasa, tetapi turut menjadi titik mula kepada masa depan ekonomi belia negara lebih dinamik, lestari dan inklusif.